

**DASAR E-PEMBELAJARAN NEGARA (DePAN),
MOOC dan PERANAN PTM**

*Azman Bin Chik
Pusat Teknologi Maklumat
Canselori
abc@ukm.edu.my*

DASAR E-PEMBELAJARAN Nasional atau DePAN telah lancarkan pada 16 April 2011 di Hotel Pan Pacific KLIA oleh Menteri Pengajian Tinggi YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin. DePAN digubal untuk menyediakan satu kerangka dan hala tuju e-pembelajaran untuk jangka masa lima (5) tahun bermula 2011 – 2015 di semua IPT. Kerangka dan RoadMap Dasar e-Pembelajaran Nasional (DePAN) Malaysia mempunyai lima tunggak yang menjadi asas kepada DePAN iaitu Infrastruktur, Struktur organisasi, Kurikulum dan kandungan, Perkembangan profesional dan Pembudayaan. Pada 9 Mei 2014 Kementerian Pendidikan mensasarkan 15 peratus kuliah yang dijalankan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tahun 2015 adalah menerusi dalam talian. Pembelajaran elektronik atau lebih khusus pembelajaran dalam talian atau online learning memperkasakan pembelajaran dan menjadikan pelajar lebih aktif dan bertanggungjawab terhadap pembelajarannya. E-pembelajaran dijangka dapat melahirkan graduan yang lebih bertanggungjawab, bebas dan berdirikari serta boleh bersaing di persada antarabangsa.

Universiti-universiti terkemuka dunia seperti Harvad dan MIT telah mengorak langkah menawarkan kursus-kursus secara terbuka dan percuma kepada seluruh dunia. Langkah ini membolehkan sesiapa sahaja yang berminat untuk mengikuti kursus yang ditawarkan oleh

universiti terkemuka dunia yang diberikan oleh para pensyarah yang berkaliber dan pakar dalam bidang masing-masing. Harvard dan MIT telah menubuhkan konsortium dan membangunkan platform eDX pada Mei 2012 yang membolehkan universiti yang berminat meletakkan kursus-kursus peringkat universiti secara dalam talian mereka di platform ini. Maka terhasillah *Massive Open Online Course (MOOC)*, dimana terdapat beratus-ratus kursus percuma dan terbuka ditawarkan oleh universiti-universiti untuk sesiapa sahaja mengikutinya atau terlibat.

Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai salah sebuah universiti tersohor di Malaysia akan turut sama terlibat dalam menawarkan kursus-kursus secara terbuka dan percuma kepada sesiapa sahaja. Untuk ke arah itu, bermula 1 Mei 2014 UKM telah menubuhkan Pusat Pengajaran & Teknologi Pembelajaran (PPTP) yang khusus untuk menguruskan kesarjanaan pengajaran dan pembelajaran, inovasi pengajaran dan teknologi pembelajaran. Pusat Teknologi Maklumat UKM pula telah menyediakan sumber manusia yang khusus untuk menyokong pembangunan kandungan MOOC dan bersedia untuk melaksanakan dan memberi bantuan yang sewajarnya kepada PPTP.

Sokongan terhadap pembangunan kandungan MOOC di PTM diletakkan dibawah tanggungjawab Timbalan Pengarah Sokongan Penyelidikan & Pendidikan. Untuk menyokong MOOC, dua hub telah diwujudkan yang diberi nama Hub Pembelajaran yang khusus untuk menyokong pembangunan kandungan MOOC dan Hub Pembangunan Aplikasi yang khusus untuk menyokong pembangunan aplikasi yang diperlukan oleh MOOC. Hub ini diketuai oleh seorang pegawai dengan gred jawatan B41 dan F41 masing-masing yang melapor kepada ketua hub penyelidikan dan pendidikan yang bergred jawatan F44.

Dengan adanya platform yang kukuh, dasar yang khusus, pusat tanggungjawab dan sumber manusia yang fokus, UKM pasti boleh bersaing di peringkat global dalam menawarkan kursus-kursus peringkat universiti secara terbuka dan percuma kepada sesiapa sahaja dan boleh dicapai dari mana-mana sahaja.

Rujukan:

1. Dasar e-Pembelajaran Negara institusi Pengajian Tinggi, 2011, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
2. <https://www.edx.org/about-us> (Capaian terakhir pada 27 Mei 2014)
3. <http://portalewarga.ukm.my>. Penstrukturan Tadbir Urus Universiti Kebangsaan Malaysia, 1 Mei 2014 (Capaian terakhir pada 27 Mei 2014)